

**PENGURUSAN KEWANGAN MAHASISWA FAKULTI KEILMUAN ISLAM KOLEJ  
UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)MENERUSI MAQASID SYARIAH**

**Azharuddin Abdollah,  
Nurul Aini Md Rais,  
Nur Hidayat Nordin,  
Intan Syaqina Jaafar**

[azharuddin@kuim.edu.my](mailto:azharuddin@kuim.edu.my)

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

**Article history:**

*Received* : 17 June 2021  
*Accepted* : 24 October 2021  
*Published* : 19 November 2021

**Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti Pengurusan Perbelanjaan Harian Mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam (FKI) dalam Maqasid Syariah. Kajian menggunakan kaedah tinjauan lapangan dengan pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik telah diedarkan bagi tujuan kajian rintis kepada 100 orang responden di Fakulti Keilmuan Islam (FKI). Data yang diperoleh kemudiannya akan dianalisis secara deskriptif dengan kaedah analisis kekerapan dan peratusan dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa tidak mengamalkan pengurusan perbelanjaan harian dalam Maqasid Syariah ketika berbelanja. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa mengetahui tentang pengurusan perbelanjaan harian dalam Maqasid Syariah tetapi tidak diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari.

**Kata kunci:** Pengurusan perbelanjaan harian, mahasiswa, Maqasid Syariah

**UNDERSTANDING QUR'ANIC VERSES AMONG TAHFIZ STUDENTS: A LITERATURE**

**Abstract**

The main objective of this study is to identify the daily expenses management among students in Fakulti Keilmuan Islam (FKI). This study used field survey method with a quantitative approach. Questionnaires were distributed in pilot study to 100 respondents in FKI. Data were analysed by descriptive analysis methods which are frequency and percentage using the software Statistical Package for Social Sciences (SPSS). The findings of the study showed that the students did not apply the daily expenses management in Maqasid Syariah. Overall, this study indicate that students in Fakulti Keilmuan Islam (FKI) did not apply the daily expenses management in Maqasid Syariah in their daily spending.

**Keywords:** Daily expenses management, students, Maqasid Syariah

**1.0 PENDAHULUAN**

Pengurusan perbelanjaan adalah perkara yang sangat penting di dalam menentukan kelangsungan tatacara kehidupan manusia. Menurut Aisyah dan Wajeeha (2016), wang merupakan aset yang terpenting bagi memenuhi kehendak dan keperluan semasa manusia. Di dalam menghadapi cabaran globalisasi dan arus ekonomi yang kian mencabar, kita seharusnya mempunyai kesedaran dan ilmu di dalam pengurusan perbelanjaan sehari-hari selaras dengan

perubahan ekonomi. Menurut Mohammad (2011) mengatakan bahawa alam universiti merupakan satu proses pengalihan kebertanggungjawaban di mana pengawasan pengurusan perbelanjaan harian sepenuhnya diuruskan dan dikendalikan oleh mahasiswa itu sendiri. Oleh itu, amat penting bagi mahasiswa untuk menguruskan perbelanjaan harian mereka sesuai dengan maqasid syariah iaitu berlandaskan kepada keperluan asas (*al-daruriyat*), kemahuan (*al-hajiyat*) dan kelengkapan (*al-tahsiniyat*).

Menurut Ismail Al-Hasani (1995), matlamat utama pelaksanaan ajaran Islam ialah untuk mengatur hidup manusia atas asas makruf dan melarang perbuatan mungkar. Istilah makruf bererti segala nilai luhur dan sifat baik yang selalunya diterima oleh naluri manusia sebagai sesuatu perbuatan yang baik. Manakala mungkar pula membawa erti segala jenis dosa dan kejahatan yang selalunya dinilai oleh naluri manusia sebagai perbuatan jahat. Pada asasnya perlaksanaan syariah dan ajaran Islam bertujuan untuk menyelamatkan dan memelihara kemaslahatan kehidupan manusia dan mengelakkan segala keburukan. Menurut Islam, keperluan kemaslahatan manusia boleh dibahagikan kepada tiga peringkat utama iaitu *daruriyyah*, *hajiyah* dan *tahsiniyyah* (Nabila, et.al., 2018). Menurut pemikir Islam terulung, Izzuddin Ibn Abdul Salam, majoriti kemaslahatan dunia dan keburukannya diketahui dengan akal, sepetimana juga kebanyakan syariat. Maqasid Syariah mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam mengukur dan mempertimbangkan sesuatu perkara demi menjamin tertariknya kemaslahatan dan tertolaknya keburukan (JAKIM, 2016). Syariat Islam bertanggungjawab menjaga dan menjamin kepentingan (maslahah) manusia kerana umumnya, kepentingan dan kehendak manusia adalah berbeza-beza.

- [1] Terdapat kajian yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan dibincangkan melalui konsep Maqasid Syariah. Maznita dan Azman (2013) membuktikan pengurusan pinjaman bagi seisi rumah dikaitkan dengan secara terperinci berdasarkan prinsip-prinsip syariah. Kajian ini juga membuktikan yang trend berhutang semakin meningkat kerana masalah untuk membiayai keperluan asas (peribadi dan perbelanjaan). Peningkatan dalam perbelanjaan peribadi juga tidak disokong dengan peningkatan pendapatan memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat. Dalam satu kajian lain yang telah dibuat oleh Roza Hazli et al., (2012), menemui punca gejala berhutang yang berlaku. Melalui kajian ini, para pengkaji mendapati bahawa perkara ini berkait dengan usaha untuk merancakkan aktiviti ekonomi. Oleh itu, penurunan kadar faedah dan galakkan kerajaan kepada institusi untuk memberi kemudahan pinjaman dilakukan dan akhirnya menyebabkan punca hutang isi rumah meningkat. Selain itu, kos sara hidup yang tinggi serta tidak berpadanan dengan pendapatan. Gaya hidup yang sentiasa meningkat dalam kalangan isi rumah juga menjadi faktor mereka berhutang semata-mata untuk kemewahan bukannya keperluan.
- [2] Pengurusan perbelanjaan yang baik bertujuan untuk memastikan setiap perbelanjaan diuruskan secara berhemah dan teratur. Bagi mahasiswa, pengurusan perbelanjaan semamemangnya adalah hal yang sangat penting dalam kehidupan mahasiswa sepanjang pengajian mereka di institusi pengajian tinggi. Menurut kajian-kajian lepas seperti Alecia dan Anuar, (2017), Aisyah dan Wajeeha (2016), Falahatib et. al., (2011), Suzana et. al., (2016), dan Asmadi (2005), menunjukkan bahawa mahasiswa di universiti dan kolej universiti tempatan menghadapai masalah dalam pengurusan kewangan. Kajian menunjukkan mahasiswa berbelanja dengan tidak mengikut kemampuan serta keperluan. Terdapat juga yang berbelanja mengikut kemahuan semata-mata dan berdasarkan trend terkini seperti di media social sekaligus ke arah ketidakcekapan pengurusan perbelanjaan.

Ilmu pengurusan kewangan adalah penting terhadap individu dalam kehidupan sehari-hari sebagai panduan agar cara pengurusan kewangan yang terhad adalah melalui kaedah terbaik bagi memenuhi pelbagai kehendak dan keperluan (Mustapa, 1993). Pengurusan kewangan yang cekap dan sistematik amat penting dan perlu diamalkan oleh setiap individu bagi memastikan sumber kewangan yang dimiliki tidak digunakan untuk perkara-perkara yang tidak berfaedah. Ini adalah kerana, individu yang tidak mempunyai pengurusan kewangan yang baik akan menyebabkan tekanan dalam hidup yang mana disebabkan oleh stress yang dihadapi oleh individu apabila tidak dapat menguruskan perbelanjannya dengan baik (Abouserie, 1994). Selain daripada itu, ianya boleh mengakibatkan kecelaruan dalam hidup sekaligus boleh menjelaskan kesihatan mental sekiranya tidak ditangani dengan baik. Justeru itu, kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti samada seseorang mahasiswa itu memahami perbelanjaan harian berdasarkan konsep maqasid syariah. Kajian ini diharapkan dapat mengkaji sejauh mana kesedaran mahasiswa dalam pengurusan perbelanjaan sehari-hari mengikut Maqasid Syariah.

## 2. Konsep Maqasid Syariah

Teori pengurusan perbelanjaan menurut perspektif Islam adalah berlandaskan kepada Maqasid Syariah menurut istilah bermaksud hikmah, rahsia, tujuan atau matlamat yang dikenal pasti dalam pensyariatan dan perlaksanaan hukum. Definisi maqasid merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks ini maqasid yang dimaksudkan ialah maqasid atau objektif yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum. Menurut Dr. Murat Cizakca, ilmu maqasid adalah merupakan ilmu yang mengkaji tentang asas-asas yang menjadi sasaran syarak melalui penetapan hukum yang terdapat di dalam al-Quran dan Sunnah. Ini menunjukkan bahawa prinsip atau objektif asas ini merupakan kerangka terpenting dalam aplikasi kehidupan sehari-hari sebagai pemasunya, lebih-lebih lagi dalam realiti hari ini yang cukup mencabar dan memerlukan satu pendekatan yang berkesan bagi memastikan aspek agama, jiwa, akal, keturunan dan harta terjamin.

Maslahah perlu sentiasa dijaga kerana ia merupakan salah satu nikmat kurniaan Allah SWT untuk menjamin keselamatan, kepuasan dan keselesaan hidup manusia (Asmadi, 2009). Maqasid Syariah secara ringkasnya terbahagi kepada tiga peringkat iaitu maqasid *al-dharuriyyat* (asas), *maqasid al-hajiyat* (keperluan), dan *maqasid al-tahsiniyyat* (pelengkap). Setiap sesuatu perkara yang dilakukan perlulah mengutamakan yang asas dahulu sebelum yang lainnya agar kemaslahatan individu, keluarga dan masyarakat sentiasa terjamin. Kemaslahatan umum pula lebih diutamakan berbanding individu. Ibnu Asyur pula telah membahagikan maqasid dengan lebih terperinci lagi dengan mengategorikannya kepada dua iaitu maqasid umum dan maqasid khusus di mana maqasid umum ialah maqasid yang dapat dilihat dalam hukum-hukum yang wajib dan melibatkan semua individu secara umum, manakala maqasid khusus pula ialah cara yang digunakan oleh syariah bagi merealisasikan kepentingan umum melalui tindak-tanduk perseorangan misalnya hukum merekodkan perjanjian hutang dalam bidang muamalat dan sebagainya.

Maqasid Syariah *dharuriyyat* ialah seumpama tiang seri bagi kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Tanpa maqasid *dharuriyyat* ini, kehidupan manusia akan terhenti dan langsung tidak dapat berjalan dengan normal, kehidupan manusia akan menjadi cacat dan apabila di akhirat pula, mereka akan mendapat azab. Fuqaha telah membahagikan maqasid *dharuriyyat* ini kepada lima perkara iaitu agama (Islam), nyawa (diri), akal, keturunan dan harta. Seterusnya, maqasid *hajiyat* adalah sesuatu yang diperlukan untuk mendapatkan kelapangan hidup dan menghilangkan kesempitan yang membawa kesusahan. Sekiranya maqasid ini tidak diambil berat, banyak kesukaran akan timbul walaupun tidak sampai kepada

menghancurkan sistem manusia atau maslahat hidup mereka. Maqasid *Tahsiniyyat* ini bermaksud melakukan sesuatu amalan atau adat yang baik dan terpuji serta menjauhi perkara-perkara yang tidak baik. Pada umumnya, maqasid ini berkaitan dengan perkara-perkara sunat dan akhlak-akhlak yang mulia. Menerusi definisi ketiga-tiga maqasid diatas dapat disimpulkan panduan-panduan mengenai bahawa pengurusan kewangan adalah berkait langsung dengan maqasid syariah. Pengurusan perbelanjaan harian bagi setiap individu seharusnya mengikuti panduan yang telah digariskan dalam maqasid syariah dan adalah sangat penting khususnya kepada mahasiswa mengelakkan berlakunya pembaziran wang ketika berbelanja.

### **3.Ulasan Kajian Lepas**

Syariat Islam bertanggungjawab menjaga dan menjamin kepentingan (*maslahah*) manusia sedangkan kepentingan manusia adalah berbeza-beza. Oleh itu, setiap mahasiswa mempunyai keperluan dan kehendak yang berbeza dalam kehidupan mereka sendiri. Tidak salah sekiranya seseorang individu itu mempunyai cita rasa yang tersendiri dalam sesuatu perkara tetapi, haruslah berpada-pada dan tidak membazir. Umumnya, kehidupan seorang mahasiswa tidak akan lari daripada hal perbelanjaan dan kewangan sepanjang pengajian mereka di sebuah universiti. Oleh hal yang demikian, mahasiswa seharusnya sudah mula belajar untuk menguruskan perbelanjaan sehari-hari dengan bijak dan efektif. Mahasiswa seharusnya berbelanja mengikut kemampuan serta keperluan dan bukannya mengikut kemahuan semata-mata. Dari sini, para mahasiswa dapat membelanjakan wang mereka dengan lebih bijak dan dapat melahirkan individu yang berjimat cermat hasil daripada pengurusan perbelanjaan harian yang berjaya.

Pelbagai kajian mengenai perbelanjaan mahasiswa telah dilakukan didalam ruang lingkup mahasiswa di Malaysia dan boleh dikaitkan dengan Maqasid Syariah. Ianya dapat dilihat dari pelbagai aspek dan sudut yang berbeza. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Dahlia *et. al.*, (2009) yang melibatkan 200 mahasiswa sarjana muda Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah, hasil analisis menunjukkan bahawa perbelanjaan mahasiswa secara majoritinya tidak dirancang dengan baik. Hal ini dikaitkan dengan tanggapan akses perolehan wang yang mudah oleh mahasiswa yang bersumberkan biasiswa, pinjaman atau biaya dari keluarga. Rentetan itu, risiko kehidupan tanpa memikirkan kesan kewangan yang tidak mencukupi tidak akan dirasai di dalam kalangan mahasiswa.

Selain itu, mahasiswa juga terdedah dengan perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat. Kos sara hidup yang semakin meningkat serta tidak berpadanan dengan pendapatan menyumbang kepada aktiviti berbelanja di luar kemampuan sekaligus menyumbang kepada aktiviti berhutang. Kesan dari aktiviti gaya hidup yang berbelanja berlebihan yang sentiasa meningkat dalam kalangan isi rumah juga menjadi faktor mereka berhutang semata-mata untuk kemewahan bukannya keperluan. Satu kajian oleh Shaari *et al.*, (2013) ke atas pola pengurusan kewangan di kalangan mahasiswa yang menerima pinjaman kewangan PTPTN di Universiti Putra Malaysia, mendapati kebanyakan responden berpendapat jumlah pinjaman yang mereka perolehi adalah tidak mencukupi. Kajian juga membuktikan bahawa mahasiswa perempuan lebih banyak menyimpan berbanding mahasiswa lelaki. Mahasiswa lelaki lebih memperuntukkan kewangan mereka untuk makanan, pakaian, hiburan, alat tulis, rekreasi, pengangkutan dan perubatan. Mahasiswa perempuan pula berminat berbelanja ke arah alat kosmetik, bil telefon, hadiah, barang kemas dan majalah hiburan.

Menurut Muhammad Fazli *et al.*, (2006) mahasiswa dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun mempunyai keadaan dan gaya hidup yang berbeza daripada mahasiswa lain. Dapatkan kajian menunjukkan mahasiswa memerlukan bimbingan dan pendedahan pengurusan kewangan dalam menjana tabiat perbelanjaan yang bijak serta pengurusan kewangan yang mantap dalam kalangan mahasiswa. Kebiasaannya, ramai yang berasa diri mereka memerlukan pengurusan dan perancangan kewangan, namun kekurangan maklumat dan pengetahuan mengenai pengurusan kewangan menyebabkan kepentingannya diabaikan.

Kajian yang dijalankan oleh Suzana *et al.*, (2016), menunjukkan terdapat segelintir mahasiswa gagal untuk menguruskan perbelanjaan mereka secara bijak kerana kurang pengetahuan terhadap pengurusan perbelanjaan. Hal ini juga dibuktikan dengan satu kajian yang telah dilakukan oleh Falahatib *et al.*, pada tahun 2011 bertujuan untuk mengkaji pengurusan kewangan mahasiswa universiti dan keperluan kewangan pendidikan. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa universiti menghadapai masalah segi pengurusan kewangan. Ini sekaligus menyebabkan para mahasiswa selalu berdepan dengan masalah kewangan dimana majoriti mahasiswa menggunakan pinjaman kewangan pendidikan. Oleh itu, tuntutan mengurus perbelanjaan mestilah lebih bijak dan berhemah ketika berbelanja untuk mengelakkan daripada berlakunya pembaziran wang. Jika perancangan dan pengurusan dibuat dengan sistematik dan efisyen maka kedudukan kewangan akan mencukupi bagi menampung segala perbelanjaan mahasiswa tersebut malah mungkin akan mempunyai lebihan dan boleh dijadikan sebagai tabungan. Menurut Siti Alida *et. al.*, (2006), hal ini berlaku disebabkan kesan daripada peningkatan kos, serta perubahan orientasi pendidikan dan dasar pembiayaan di peringkat tinggi. Justeru itu, mahasiswa seharusnya bijak menguruskan kewangan dalam perbelanjaan bulanan dan mengawal perbelanjaan dengan berhemah.


Hal ini juga disokong oleh Aisyah dan Wajeeha (2016) yang menyatakan kos perbelanjaan yang semakin hari semakin meningkat sungguh membebankan mahasiswa yang sememangnya mempunyai kekangan dan masalah perbelanjaan terutamanya bagi mereka yang belum bekerja. Dalam pada itu juga, selain membelanjakan wang untuk membeli bahan pembelajaran seperti alat tulis, buku teks dan sebagainya, secara tidak langsung mereka juga terkesan dengan kenaikan harga barang-barang terutamanya apabila kerajaan mula mengenakan cukai pada barang dan juga perkhidmatan semenjak tahun 2015. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lepas, dapat disimpulkan bahawa pengurusan perbelanjaan seseorang khususnya mahasiswa adalah berlandaskan kepada keperluan serta kehendak yang berlainan. Pengurusan perbelanjaan ini juga termasuk di dalam panduan yang telah digariskan oleh Maqasid Syariah iaitu mengikut keperluan, kehendak atau kemauan.

Pengurusan kewangan yang cekap dan sistematik amat penting dan perlu diamalkan oleh setiap individu bagi memastikan sumber kewangan yang dimiliki tidak digunakan untuk perkara-perkara yang tidak berfaedah. Golongan mahasiswa juga tidak terkecuali daripada kemestian ini kerana pada peringkat inilah mereka perlu bijak dalam menguruskan sumber kewangan yang terhad bagi mengelakkan masalah kewangan yang dapat menjelaskan tumpuan mahasiswa terhadap proses pembelajaran. Ilmu ekonomi dan kewangan merupakan bidang yang terpenting dalam pengurusan kehidupan sehari-hari (Mohammad Fazli *et. al.*, 2006). Kebanyakan mahasiswa yang menuntut di institusi pengajian tinggi mendapat wang pinjaman ataupun biasiswa pelajaran yang dibiayai oleh pihak-pihak tertentu. Oleh itu, mahasiswa perlulah membuat perancangan yang teliti untuk memastikan wang tersebut digunakan dengan cara yang terbaik serta dapat menampung perbelanjaan semasa pengajian. Sebaliknya, jika mahasiswa gagal untuk menggunakan wang tersebut dengan cara yang betul, maka masalah kewangan akan membelenggu mahasiswa tersebut sehingga boleh menjelaskan pengajian.

Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak mampu menguruskan kewangan serta perbelanjaan sehari dengan baik, maka kesan daripada perkara tersebut adalah mahasiswa mengalami masalah kewangan dan tidak mampu berbelanja untuk menampung keperluan yang penting dalam kehidupan sehari-hari. Ini adalah kerana, individu yang tidak mempunyai pengurusan kewangan yang baik akan menyebabkan tekanan dalam hidup yang mana disebabkan oleh stress yang dihadapi oleh individu apabila tidak dapat menguruskan perbelanjannya dengan baik (Abouserie, 1994). Dalam keadaan ini boleh mengakibatkan kecelaruan dalam hidup dan boleh menyebabkan sakit mental sekiranya tidak ditangani dengan baik. Menurut Dahlia et al (2009) mengatakan bahawa pengurusan perbelanjaan harian ini tidak dapat dilakukan oleh mahasiswa dengan betul. Hal ini dibuktikan apabila seseorang mahasiswa mendapat wang, mereka akan membelanjakan wang tersebut secara sewenang-wenangnya kerana kurangnya kesedaran dalam diri mereka mengenai cara pengurusan perbelanjaan harian yang betul sejajar dengan konsep Maqasid Syariah.

#### 4. Dapatan Kajian awal (*pilot study*)

Kajian *pilot* ini dijalankan untuk melihat sejauh mana seseorang mahasiswa Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) menguruskan perbelanjaan mereka semasa berada di peringkat pengajian tinggi iaitu di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Kajian kuantitatif ini melibatkan 100 responden iaitu mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam (FKI) yang menuntut di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).




**Rajah 1: Senario pengurusan kewangan mahasiswa**

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa tidak mengamalkan pengurusan perbelanjaan harian mengikut Maqasid Syariah. Hal ini dibuktikan dengan dapatan 53% menyatakan tidak bersetuju dengan kaedah perbelanjaan yang dicadangkan. Ini bermakna, perbelanjaan harian mahasiswa adalah melebihi daripada duit pembiayaan pengajian yang diperolehi oleh mereka. Hal ini mungkin disebabkan oleh ketidakcekapan dalam pengurusan perbelanjaan harian mahasiswa itu sendiri yang mana mereka lebih banyak berbelanja melebihi keperluan. Hal ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Dahlia, *et al.*, (2009) yang

menyatakan bahawa perbelanjaan mahasiswa secara majoritinya tidak dirancang dengan baik. Hal ini dikaitkan dengan tanggapan akses perolehan wang yang mudah oleh mahasiswa bersumberkan biasiswa, pinjaman atau biaya keluarga. Rentetan itu, risiko kehidupan tanpa wang tidak dirasai akan berlaku dalam kalangan responden semasa zaman belajar. Oleh itu, mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam (FKI) merasakan bahawa mereka tidak perlu untuk menyimpan atau menabung serta menghadkan penggunaan wang mereka untuk perbelanjaan harian kerana berpendapat sumber kewangan akan sentiasa mencukupi.

Manakala, dalam aspek kesedaran ilmu pengurusan perbelanjaan, kajian mendapati bahawa mahasiswa memahami mengenai konsep Maqasid Syariah dan kepentingannya dalam perbelanjaan harian. Hal ini menunjukkan bahawa pengurusan perbelanjaan harian mahasiswa dalam Maqasid Syariah telah diperaktikkan. Hal ini adalah bertepatan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Mustapa Mohamed (1993), ilmu ekonomi dan kewangan merupakan bidang yang terpenting dalam pengurusan kehidupan sehari-hari. Oleh itu, mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam (FKI) seharusnya mengetahui tentang amalan pengurusan perbelanjaan harian yang terbaik bagi mengurangkan risiko berboros ketika berbelanja.

Seterusnya, bagi objektif untuk mengetahui kesan pengurusan perbelanjaan harian mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam (FKI) dalam Maqasid Syariah, hasil dapatan menunjukkan bahawa mahasiswa membelanjakan wang mereka untuk membeli barang kehendak dan bukannya barang keperluan. Hal ini dibuktikan melalui kajian dan mendapati 39% daripada jumlah keseluruhan bersetuju bahawa pembelian adalah berdasarkan kepada kehendak dan bukan keperluan. Ini dapat disimpulkan bahawa mahasiswa masih lagi tidak mampu untuk menguruskan perbelanjaan mereka dengan betul dan berhemah. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Sabri *et.al.*, (2008) bahawa terdapat segelintir mahasiswa gagal untuk menguruskan perbelanjaan mereka secara bijak, dan turut bersetuju bahawa pembelajaran merupakan aspek yang utama dalam pengurusan perbelanjaan. Ini turut disokong oleh kajian yang ibuat oleh Wan Nur Saliha (2002). Sehubungan dengan itu, berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas mahasiswa di Fakulti Keilmuan Islam (FKI), didapati bahawa mahasiswa memerlukan jumlah perbelanjaan harian yang berbeza mengikut tempoh pengajian dan yuran iaitu sebanyak 68 orang responden dengan nilai peratusan sebanyak 68% setuju dan sangat setuju dengan kenyataan ini. Ini bermakna, dalam menguruskan perbelanjaan harian secara berkesan, mahasiswa perlu mempunyai cara pengurusan perbelanjaan harian yang efisen dan efektif mengikut Maqasid Syariah supaya dapat menangani masalah kewangan. Selain itu, hasil dapat juga menunjukkan bahawa pembentangan pengajian mempengaruhi cara pengurusan perbelanjaan harian. Hal ini dapat dibuktikan dengan pemilihan jawapan iaitu seramai 70 orang responden dengan nilai peratusan sebanyak 70% bersetuju dengan pernyataan ini. Perkara ini adalah berkaitan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Siti Alida *et.al* (2007) yang menyatakan bahawa pembentangan pengajian telah pun berubah iaitu kebanyakan biasiswa seperti PTPTN, KPM, JPA dan MARA telah bertukar polisi kepada pembentangan yang harus dijelaskan. Hal ini dikuatkan lagi dengan penarikan biasiswa PTPTN bagi mahasiswa yang memperolehi ijazah sarjana muda kelas pertama yang telah dilaksanakan pada tahun 2018. Hal ini sangat mempengaruhi perbelanjaan harian mahasiswa di mana mereka perlu bijak dalam menguruskan perbelanjaan harian mereka.



Rajah 2: Sikap boros berbelanja oleh mahasiswa

Tambahan pula, melalui hasil kajian yang dilihat daripada jawapan responden, didapati terdapat seramai 40 orang responden dengan nilai peratusan sebanyak 40% memilih tidak pasti dan seramai 23 orang responden (23%) memilih setuju dan dengan nilai peratusan sebanyak 5% dengan bilangan responden seramai 5 orang menyatakan sangat setuju dengan kenyataan bahawa mahasiswa adalah boros ketika berbelanja (rujuk rajah 2). Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa masih belum mampu menguruskan perbelanjaan harian dengan baik. Dahlia, et al, (2009) menunjukkan hasil analisis mereka bahawa perbelanjaan mahasiswa secara majoritinya tidak dirancang dengan baik. Ianya turut disokong dengan tanggapan akses perolehan wang yang mudah oleh mahasiswa seperti biasiswa, pinjaman atau biaya daripada keluarga. Rentetan itu, risiko kehidupan tanpa wang tidak dirasai dalam kalangan mahasiswa semasa zaman belajar.

Maka, hasil dapatan ini dapat disimpulkan bahawa mahasiswa seharusnya melengkapkan diri dengan ilmu pengurusan perbelanjaan harian mengikut Maqasid Syariah supaya dapat membantu dengan lebih berkesan dan terhindar daripada sifat mazmumah iaitu boros.

Tambahan pula, di dalam kajian yang dijalankan oleh Aisyah dan Wajeeha (2016) menyatakan kos perbelanjaan yang semakin hari semakin meningkat sungguh membebangkan mahasiswa yang sememangnya mempunyai kekangan dan masalah perbelanjaan terutamanya bagi mereka yang belum bekerja. Dalam pada itu juga, selain membelanjakan wang untuk membeli bahan pembelajaran seperti alat tulis, buku teks dan sebagainya, secara tidak langsung mereka juga terkesan dengan kenaikan harga barang-barang terutamanya apabila kerajaan mula mengenakan cukai pada barang dan juga perkhidmatan semenjak tahun 2015.

Mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam (FKI) disimpulkan tidak menguruskan perbelanjaan harian mereka mengikut Maqasid Syariah kerana ramai di antara mahasiswa yang mengetahui mengenai konsep Maqasid Syariah tetapi tidak mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari. Kajian ini diharap dapat memberikan pendedahan kepada mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam (FKI) berkenaan pengurusan perbelanjaan harian mengikut Maqasid Syariah. Seandainya mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam (FKI) mempraktikkan pengurusan perbelanjaan harian mereka dalam Maqasid Syariah, ianya dapat membendung sifat boros dalam diri dan menyemai sifat tolak ansur semasa berbelanja. Mahasiswa seharusnya mengutamakan keperluan harian daripada memenuhi kehendak. Di samping itu, kajian ini juga dapat memberikan satu pendedahan baru dan menambahkan ilmu pengetahuan dalam pengurusan perbelanjaan harian mahasiswa Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) mengikut

Maqasid Syariah. Perkara ini tidak dapat disangkal lagi keperluannya dalam kehidupan mahasiswa dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar penambahbaikan yang bersesuaian dapat dijalankan dari masa ke semasa. Selain itu, dicadangkan juga agar pihak Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) untuk mengadakan satu kempen atau seminar pengurusan perbelanjaan bagi memberikan pendedahan baru kepada mahasiswa tentang pengurusan perbelanjaan harian dalam Maqasid Syariah supaya mahasiswa dapat mengaplikasikannya semasa berbelanja. Ini akan dapat membantu mahasiswa di dalam pengurusan perbelanjaan sertabijak berbelanja dengan berhemah. Antara cadangan kajian pada masa akan datang termasuklah meluaskan skop kajian iaitu melibatkan mahasiswa daripada semua fakulti di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) supaya pengkaji dapat mengetahui corak pengurusan perbelanjaan harian mahasiswa dalam Maqasid Syariah serta menambah jumlah responden di dalam kajian agar kebolehpercayaan bagi keputusan hasil kajian akan lebih tepat.

### **3. Perbincangan dan Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, scenario pengurusan perbelanjaan dalam kalangan mahasiswa terutamanya perlu dipandang serius kerana dapat membantu mahasiswa dalam mengukuhkan ilmu kewangan untuk masa hadapan kelak. Di peringkat pengajian tinggi ini, seharusnya mereka telah bijak membuat belanjawan peribadi bulanan untuk mengelakkan kesulitan di kemudian hari. Selain itu, kaunseling tentang pengurusan perbelanjaan harian perlu dilaksanakan secara meluas bagi memberi kesedaran tentang kepentingan mengurus perbelanjaan dengan baik dalam kalangan mahasiswa sekaligus dapat mengurangkan peratusan golongan belia yang diisyiharkan muflis pada usia muda rentetan daripada kegagalan menguruskan perbelanjaan harian secara peribadi.

### **Rujukan**

- Abouserie, R., (1994). Sources and Levels of Stress in Relation to Locus Control and Self Esteem in University Students. *Educational Psychology*, 14(3), 323-331.
- Aisyah, A.R., & Wajeeha, Z. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19 (2). pp. 85-94. ISSN 0128-2735.
- Alecia, PAS & Anuar, A. (2017). Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara Ipta Dan Ipts. *International Conference on Global Education V*.
- Asmadi M.N., (2009). Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam. Sintok: UUM Press
- Dahlia, I., Rabitah, H. & Zuraidah., (2009). A Study on Financial Literacy of Malaysia Degree Students, *Cross Cultural Communication* 5(4):51-59.
- Emerging Economies and Islamic Research.
- Falahatib.et.al., (2015). An Exploratory Study of Personal Financial Wellbeing Determinants: Examining the Moderating Effect of Gender, *Asian Social Science* 11(4), v11, n4, p33

Harun, R., Hock, L. K., & Othman, F. (2011). Environmental Knowledge and Attitude among Students in Sabah. World Applied Sciences Journal, 14, 83-87.

Ismail Al-Hasani. (1995). *Nazariyyah al-Maqasid ‘inda al-Imam Muhammad al-Tahir Ibn al-‘Asyur*. Virginia: International Institute of Islamic Thought, 114,115.

Kompilasi Muzakarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2016).

Maznita, M. & Azman.I., (2013) Shariah issues in managing household debt: the case of Malaysia. Jurnal Pengurusan, 37 . pp. 63-76.

Mohammad Fazli, S., Falahatib, L., (2006). Predictors of Financial Well-Being among Malaysian Employees: Examining the Mediate Effect of Financial Stress, Journal of

Mustaffa, W. & Fikri, M., (2011). Kecekapan Pengurusan Kewangan Di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Proceedings Commerce Department ResearchColloquium 2011. Politeknik Sultanah Bahiyah.

Nabila, Z., & Syamsuri., (2018). Konsep Maqasi Syariah Menurut Al-Syatibi: Kontribusinya Dalam Kebijakan Fiskal, Al Falah: Journal of Islamic Economics, Vol. 3, No. 2.

Roza,H., Noor Ismawati,M.H., & Sabitha.M., (2012). Financial Behaviour and Financial Position:A Structural Equation Modelling Approach, Middle-East Journal of Scientific Research, 11(5), 602-609.

Sabri, M. F., MacDonald, M., Masud, J., Paim, L., Hira T. K., & Othman, M. A. (2008). Financial Behaviour and Problems among College Students in Malaysia: Research and Education Implication. Consumer Interests Annual 54:5.

Shaari, N, A, Abu Hasan, N., Moona, R. K. & Ahmad Jaffri, M (2013). Financial Literacy: A Study among University Students. Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business Volume 5:279-299.

Shlash Mohammad, A. A., & Mohammad Alhamadani, S. Y., (2011). Service Quality Perspectives and Customer Satisfaction in Commercial Banks Working in Jordan. Middle Eastern Finance and Economics, 1(14), 60-72.

Siti Alida, J.A., & Ahmad. (2007). *Kewangan & pelajar IPT*.Kuala Lumpur: Utusan Publication Publisher & Distributors Sdn. Bhd

Suzana S. & Siti Shamsiah M. S. (2016). Konsep Pengurusan Kewangan Keluarga Menurut Maqasid Syariah. Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Wan Nur Saliha. (2002). *Kedudukan Kewangan Keluarga Dalam Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar SPI*. Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.